

14/04/2000

Penama sertai acara puisi bulanan

Jamudin Idris

ADA banyak hal yang menarik pada acara Baca Puisi Pena-Berita Harian yang dihoskan Noor SM minggu lalu, tetapi puncaknya tentunya berita gembira yang disampaikan Ketua Satu Persatuan Penulis Melaka (Penama), Othman Muhamad yang mengumumkan Melaka menyertai negeri lain untuk mengadakan acara puisi bulanan dan sekali gus merencanakan lagi kegiatan yang sudah bermula lebih setahun lalu secara berterusan.

Othman berkata, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam mahu Melaka turut serta dalam acara yang berbau nasional ini dan mengumumkan acara itu akan diadakan di Melaka akhir Mei ini.

"Selain penyair Melaka, kta akan mengundang seniman besar seperti Sasterawan Negara Datuk A Samad Said, kelahiran Belimbing Dalam untuk turut memeriahkan acara itu," katanya yang memberi komentar pendek dalam majlis itu.

Menariknya pembacaan puisi yang dihoskan Sabtu Manap (Noor SM), penyair yang seangkatan dengan Samad Said kerana kesungguhan orang Melaka untuk 'menyerang' Rumah Pena dan menampilkan keragaman mereka dalam berpuisi.

Noor SM yang dibantu HM Shariff yang memainkan alat muzik menyampaikan beberapa sajaknya termasuk Nyanyian Tanah dan Sebuah Percakapan Biasa Kemerdekaan.

Penyair lain yang turut mengambil bahagian termasuk Aladin Mohamad dengan Sepasang Lembu Tua manakala pelakon teater veteran Mahmood Jailani dengan syair Maskonah yang pernah dipentaskan pada Pekan Teater Kebangsaan 1977.

Syair yang penuh jenaka itu adalah karya Madu Lara dan Mahmood sendiri turut berlakon dalam teater itu.

Halimah Baba pula menyampaikan puisi Dr Mahathir Perjuangan Yang Belum Selesai manakala Ali Bachik membuktikan kehebatan orang Melaka khususnya Baba-Nyonya berpantun terutama pantun jenaka yang mencuit hati.

Buyong Zasdar yang menjadi tetamu undangan Noor SM pula menyampaikan puisi Mata Perempuan manakala Samad yang didampingi puteranya AZ menyampaikan puisi Nurani Cinta Hang Kasturi manakala AZ dengan petikan gitar klasik menyampaikan lagu Kau Ilhamku.

Undangan lain termasuk Sastri Suharti Yahya Baginda Alam isteri Dr Amin Sweeney dari Jakarta turut membaca dua puisi termasuk Indonesiaku karya Hamid Jabar.

Koprata pula menyampaikan dua lagu puisi terbaru iaitu Al-Amin dan Kami Orang Melayu manakala Ibrahim Bachik turut menyampaikan dua lagu puisi termasuk Kekasih dari puisi SN Datuk Usman Awang.

Marsli NO bukan saja sempat mempromosi karya rakan yang katanya akan membangunkan dunia sastera turut menyampaikan sebuah puisi panas bertajuk Penjilat.

Orang penting acara ini, Borhan Md Zin turut mengerahkan pelajarinya dari Sekolah Tinggi Setapak untuk acara Dikir Barat.

Ini sekali gus membuktikan seni itu bukan milik orang Kelantan saja.

Jika Baca Puisi Pena-Berita Harian ditakrifkan sebagai pertandingan lagu-lagu popular, tentunya acara baca puisi yang dihoskan Noor SM dapat dimasukkan dalam cartanya kerana kesungguhan orang Melaka menjayakan acara itu.

(END)